

NO. SOALAN :448

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam usaha untuk mengurangkan kadar purata air tidak berhasil NRW kepada 25 peratus menjelang akhir 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada keseluruhannya, pencapaian *Non-revenue water* (NRW) di Malaysia pada tahun 2016 adalah sebanyak 35.2% berbanding 35.5% pada tahun 2015.
2. Antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar purata air tidak berhasil (NRW) kepada 25 % menjelang akhir 2020 mencakupi 3 aspek utama seperti berikut:

2.1 Pembiayaan modal (CAPEX)

Pengurusan NRW yang berkesan memerlukan pembiayaan modal atau *capital expenditure* (CAPEX) yang besar sama ada bagi menaik taraf atau membangunkan aset-aset air, penggantian paip air, penggantian meter air, perwujudan *District Metering Zone* (DMZ) dan sebagainya.

Bagi negeri-negeri yang telah memuktamadkan penstrukturran semula industri bekalan air, CAPEX disediakan oleh Pengurusan Aset Air Bhd. (PAAB) berdasarkan pendekatan '*build and lease*' model. Sehingga 2017, PAAB telah membelanjakan RM2.7 bilion untuk tujuan ini.

Dalam pada itu, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan secara langsung di bawah Program NRW Kebangsaan 2016/2017 yang akan dilaksanakan dalam 2 pendekatan. Di bawah Pendekatan 1, sebanyak RM510 juta disediakan bagi membantu 6 buah negeri yang mencatatkan NRW mele过asi 40% melibatkan kerja-kerja khusus seperti pemasangan meter *System Input Volume* (SIV) baharu, penggantian meter pengguna yang rosak dan berusia lebih 7 tahun, pembaikan tangki-tangki air yang bocor dan penyediaan *Geographical Information System* (GIS).

Di bawah Pendekatan 2 pula, kerajaan menyediakan Geran Sepadan (*Matching Grant Ringgit To Ringgit* – MGR2R) dengan peruntukan antara RM50 juta hingga RM80 juta setahun sebagai insentif kepada syarikat-syarikat air untuk menguruskan NRW secara berkesan.

2.2 Pemantapan kawal selia

Sebagai badan kawal selia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) turut memainkan peranan dalam pengurusan NRW melalui pemantapan kerangka kawal selia seperti berikut:

- (i) Penetapan NRW dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Perniagaan operator air dengan tumpuan penilaian kepada sasaran peratusan pengurangan NRW, kehilangan fizikal, bilangan meter pengguna rosak kurang daripada 3% dan *Infrastructure Leakage Index (ILI)*;
- (ii) Pengauditan Operasi NRW operator air dengan fokus kepada aspek pelaksanaan, pengawalan dan pemantauan terhadap komponen pengurusan program NRW, ketepatan data, pengawalan NRW, pengesanan dan pembaikan kebocoran dan juga prestasi NRW;
- (iii) Penguatkuasaan ke atas kes kecurian air dengan kerjasama operator-operator air; dan
- (iv) Mengawal kualiti bahan dan produk setiap kelengkapan, peranti, bahan, sistem dan kemudahan mematuhi standard yang diiktiraf, berkualiti dan berdaftar dengan SPAN bagi mengurangkan kebarangkalian berlakunya paip bocor atau pecah.

2.3 Pengukuhan modal insan dan kompetensi tenaga kerja. Selaras dengan kehendak Seksyen 49, Akta Suruhanjaya

Perkhidmatan Air Negara (Akta 655), SPAN telah menjalankan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam melahirkan tenaga kerja yang mahir dan kompeten dalam pengurusan NRW.

SPAN dengan kerjasama dengan CIDB telah mengadakan siri latihan dan kursus kompetensi untuk kepada tukang paip (pemegang permit A1 dan A2 dan C). Melalui kolaborasi dengan JPK pula, skim pentaulahan kemahiran pekerja telah dibangunkan dan juga pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) melibatkan 5 tahap iaitu:

- (i) Tahap 1 (*NRW Field Assistant*);
- (ii) Tahap 2 (*NRW Technician*);
- (iii) Tahap 3 (*NRW Senior Technician*);
- (iv) Tahap 4 (*NRW Executive*); dan
- (v) Tahap 5 (*Manager*).

Sekian, terima kasih

.....